

27 JUL 2002

MCA-Senarai

PERHIMPUNAN LULUS SENARAI JAWATANKUASA PUSAT PARTI MCA 2002-2005

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-49 hari ini sebulat suara meluluskan senarai jawatankuasa pusat parti 2002-2005 yang diterajui presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Turut dikekalkan ialah Timbalan Presiden Datuk Lim Ah Lek, Naib-naib Presiden Datuk Dr Fong Chan Onn, Datuk Chua Jui Meng, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy.

Pengumuman dibuat oleh Setiausaha Agung MCA Datuk Seri Dr Ting Chew Peh sejurus selepas selesai pembentangan Laporan Tahunan Setiausaha Agung MCA kepada para perwakilan.

Ia disokong sebulat suara oleh para perwakilan dengan cara mengangkat tangan sebagai tanda persetujuan.

Dr Ting, yang juga pengerusi jawatankuasa pemandu pemilihan MCA, turut mengumumkan 25 anggota lain jawatankuasa pusat (CC).

Kebanyakan mereka merupakan muka lama seperti Datuk Dr Sak Cheng Lum, Datuk Fu Ah Kiow, Datuk Wong Mok Leong, Datuk Chor Chee Heung, Datuk Tan Chai Ho.

Anggota-anggota lain ialah Ho Lim Teck, Datuk Dr Chua Soi Lek, Datuk Hon Choon Kim, Datuk Ong Ka Chuan, Datuk Lau Yin Pin, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, Leong Su Siang, Datuk Lim Si Cheng, Datuk Law Boon Hong, Datuk Chau Tet On dan Datuk Tan See Hang.

Turut dipilih semula ialah Datuk Wong See Wah, Datuk Dr Yeow Chai Thiam, Datuk Beh Heng Seong, Datuk Poh Ah Tiam, Wong Kam Hoong, Datuk Khoo Lay Hin, Donald Lim Siang Chai, Datuk Ho Cheong Sing dan Ooi Ah Lan.

Senarai CC kali ini dikekalkan berikutan pelaksanaan pelan damai yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada MCA pada April lepas sebagai langkah untuk menyelesaikan masalah dalaman parti itu.

-- BERNAMA

AT AZZ NAK